

Khamis – 10 Oktober 2019

Halaman : 10

20

KHAMIS, 10 OKTOBER 2019 BH

Nasional

Orang Asli serah SPRM ‘sagu hati’ RM15,000

Syarikat balak didakwa beri RM40,000 wang pendahuluan operasi

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

Ipoh: Sekumpulan 10 daripada 30 keluarga Orang Asli dari Kampung Lawai, Jalong Tinggi dekat Sungai Siput, menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebahagian daripada RM40,000 wang ‘sagu hati’ yang didakwa diberi sebuah syarikat konsesi balak.

Wang RM15,000 daripada sebahagian penduduk itu diserahkan bagi membolehkan SPRM melakukan siasatan kerana ia diperdayai sebagai pendahuluan sekiranya kerja pembalakan itu tidak dihentikan kerajaan negeri.

Pegawai Lapangan Persatuan Aktivis Sahabat Alam Malaysia

(KUASA), Shazmi Rashid, yang hadir membuat laporan bersama masyarakat Orang Asli berkenaan, berkata laporan polis juga sudah dibuat wakil penduduk, Mat Seri Pandak, di Balai Polis Jalong, Isnin lalu dan keterangan kepada polis juga sudah diberikan.

“Saya dimaklumkan pada 3 Oktober lalu, dua penduduk Kampung Lawai sudah memanggil semua penduduk kampung untuk bermesyuarat di Dewan Adat tanpa diberitahu sebab mesyuarat.

“Pada mesyuarat itu, dua penduduk memberitahu mereka bersama dengan Tok Batin kampung itu sudah mengadakan pertemuan dengan Pegawai Perhutanan dan ‘tauke’ balak di Pejabat Hutan Daerah Sungai Siput.

“Salah seorang daripada mereka memberitahu RM80,000 akan diberikan kepada penduduk oleh syarikat konsesi untuk satu blok balak.

“Buat masa sekarang, RM40,000 diberikan dulu sebagai sagu hati sekiranya kawasan itu disita pihak berkuasa,” katanya kepada pemberita selepas mengiringi wa-



Shazmi bersama Orang Asli Kampung Lawai, Jalong Tinggi menunjukkan laporan polis sebelum menyerahkan sebahagian daripada RM40,000 yang didakwa diberikan sebuah syarikat konsesi balak kepada SPRM Perak.

(FOTO ABDULLAH YUSOF /BH)

kil masyarakat Orang Asli Kampung Lawai membuat laporan di pejabat SPRM Perak, di sini semalam.

Sementara itu, Mat Seri yang turut hadir membuat laporan, berkata wang berkenaan diedarkan kepada setiap ahli keluarga dengan jumlah paling tinggi bagi individu dewasa sebanyak RM470, manakala jumlah paling sedikit adalah RM50 untuk kanak-kanak.

Sambil menyifatkan sesuatu tidak kena dengan pemberian wang itu, dia bersama beberapa penduduk lain nekad menyerahkan wang berkenaan kepada pihak berkuasa supaya siasatan dapat dijalankan.

Katanya, pembalakan dilaku-

kan di perkampungan mereka sejak Julai lalu dan penduduk sudah menyuarakan bantahan kepada pejabat Menteri Besar Perak pada 25 September lalu dan sekali lagi meminta pejabat Menteri Besar campur tangan dalam isu berkenaan melalui sepucuk lagi surat yang dihantar semalam.

“Kami bersetuju dan bersepakat untuk menyerahkan wang sagu hati yang diterima kepada SPRM bagi membolehkan agensi itu menjalankan siasatan.

“Sebelum ini, kami menerima wang yang diberikan kerana tidak mahu menjatuhkan air muka pemberi dan tidak mahu ia jadi kecoh, pencerobohan kawasan balak sudah berlangsung sejak dua bulan lalu.

“Kami buat bantahan untuk kepentingan masyarakat Orang Asli di Jalong Tinggi, kami takut pembalakan akan mengakibatkan tanah runtuh, pencemaran sungai Korbu dan bencana lain, kami ingin menegaskan bukan semua Orang Asli duduk diam selepas diberikan wang, sebagaimana didakwa beberapa pihak,” katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamad Zin Yusop, ketika dihubungi bagi mengesahkan perkara itu, berkata pihaknya akan menyiasat terlebih dulu dakwaan berkenaan sebelum membuat sebarang kenyataan.

“Buat masa ini saya tiada maklumat mengenai perkara itu,” katanya.